

## Penyertaan Sosial dan Indeks Kesejahteraan Sosial Subjektif Kanak-Kanak Miskin di Malaysia

*(Social Participation and Subjective Social Well-Being Index of Poor Children in Malaysia)*

SITI HAJAR ABU BAKAR AH, NORALINA OMAR & ZAITON AZMAN

### ABSTRACT

*Every child is entitled to fulfil his/her basic needs. One of the needs is to participate in social activities. Social participation or engagement is one of the subjective domains of child wellbeing. The fulfil needs' of the social participation contribute to well-being of the children thus lead them to give active contribution to the society. Article 31, Convention on the Rights of the Child (CRC) provides a well-defined explanation of child rights to social participation. This article discusses the status of social participation among poor children in Malaysia. The empirical data was based on the Child Indicators Survey, 2013-2015 that involved 200 children, age 9 to 17 years old. The sample represents 100 urban families and 100 rural area families. In the study, social participation is judged based on how the respondents have the opportunity to develop and expand their potential optimumly. Social participation is measured using 34 items which is divided into five component; individually, with peers, at school, with family and in the community. In the aspect of social participation, the findings indicate that Malaysian children experience an average level of subjective wellbeing. The result is a valuable input to social initiatives meant for the social policy reform, in particular, the National Child Protection Policy. It is also of great importance for planning effective social intervention programmes to enhance the quality of lives among our children.*

*Keywords: Subjective well-being; social participation; social ecology; poor children; Malaysia*

### ABSTRAK

*Setiap kanak-kanak berhak memenuhi keperluan asasi masing-masing. Salah satu daripada keperluan asasi mereka adalah menyertai aktiviti sosial yang berlangsung dalam kehidupan masyarakat. Penyertaan sosial merupakan salah satu daripada domain kesejahteraan subjektif. Keperluan kepada penyertaan sosial yang dipenuhi menyumbang kepada kesejahteraan hidup kanak-kanak sekaligus mendorong kanak-kanak untuk memberi sumbangan aktif dalam komuniti. Artikel 31, Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) menyatakan dengan jelas mengenai hak kanak-kanak terhadap penyertaan sosial. Artikel ini memperihalkan status penyertaan sosial kanak-kanak miskin di Malaysia. Data empirikal diambil daripada Survei Indikator Kanak-kanak 2013-2015 yang melibatkan 200 kanak-kanak Malaysia berusia 9 hingga 17 tahun. Sampel tersebut mewakili 100 keluarga miskin dari bandar dan 100 keluarga miskin dari luar bandar. Dalam kajian ini, penyertaan sosial dinilai berdasarkan sejauh mana responden berpeluang untuk membangun dan mengembangkan potensi diri mereka seoptimum mungkin. Penyertaan sosial diukur dengan menggunakan 34 item yang terbahagi kepada lima komponen iaitu penyertaan secara sendirian, bersama rakan, di sekolah, bersama keluarga dan di dalam komuniti. Dari aspek penyertaan sosial, hasil kajian menunjukkan tahap kesejahteraan subjektif kanak-kanak miskin di Malaysia masih berada pada tahap sederhana. Dapatan ini merupakan satu input penting dalam sebarang usaha untuk mengubahsuai Dasar Kanak-kanak Negara. Ia juga penting untuk merancang program intervensi sosial yang berkesan, yang dapat meningkatkan lagi kesejahteraan subjektif kanak-kanak.*

*Kata kunci: Kesejahteraan subjektif; penyertaan sosial; ekologi sosial; kanak-kanak miskin; Malaysia*

## PENDAHULUAN

Mengikuti Konvensyen Hak Kanak-kanak (*Convention on the Right of the Child* atau *CRC*) 1989, setiap kanak-kanak berhak mendapat keperluan asas untuk hidup dengan sejahtera. *CRC* merupakan satu konvensyen antarabangsa mengenai pemberian hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan kepada kanak-kanak sejak dilahirkan sehingga mereka mencapai usia 18 tahun. Matlamat utama *CRC* adalah untuk memastikan kanak-kanak menikmati semua keperluan asasi, terlindung dari segala bentuk ancaman dan bahaya sosial serta berpeluang untuk memajukan potensi diri yang dimiliki agar boleh membesar menjadi orang dewasa yang produktif dari segi sosial dan ekonomi. Di beberapa negara maju seperti Sweden, Perancis dan Britain, *CRC* menjadi kerangka kerja kepada semua inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup atau kesejahteraan kanak-kanak. Kajian-kajian mengenai penunjuk kesejahteraan kanak-kanak yang telah dilakukan oleh pengkaji seperti Bradshaw, Hoelscher dan Richardson (2007), serta Swords et al. (2012) menunjukkan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak berada dalam keadaan baik apabila semua keperluan asas dan hak mereka sebagai kanak-kanak dipenuhi.

Konvensyen Hak Kanak-kanak (*CRC*) yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1995 telah menetapkan hak penyertaan atau penglibatan untuk setiap kanak-kanak. Artikel 12 *CRC* menyatakan bahawa setiap kanak-kanak berhak menyatakan pendapat mereka secara bebas, terutamanya dalam hal-ehwal yang menyentuh kebajikan hidup mereka. Artikel 31 pula menyatakan setiap kanak-kanak berhak mendapat rehat dan masa lapang, melibatkan diri dalam aktiviti permainan dan rekreasi yang sesuai dengan umur, menyertai secara bebas dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian. Pendek kata, setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk turut serta dan melibatkan diri dalam perkara yang berkaitan dengan politik, sosial, ekonomi dan budaya (Pathmanathan & Siti Hajar 2013).

Penyertaan dalam komuniti merupakan keperluan bagi semua individu yang mana pasif atau aktifnya penyertaan tersebut boleh memberi kesan kepada kualiti hidup mereka. Dalam satu kajian mengenai penglibatan komuniti dalam program pembangunan luar bandar di Sarawak, penglibatan komuniti adalah pasif kerana kegagalan pihak pelaksana dalam proses pembangunan.

Pihak pelaksana kurang menyalurkan maklumat, komuniti tidak dilibatkan dalam proses pembuatan keputusan dan pihak pelaksana tidak telus. Kesannya, kualiti hidup komuniti di kawasan tersebut terjejas (Haslina & Regina 2009). Begitu juga halnya dalam konteks kehidupan kanak-kanak.

Penyertaan sosial juga merupakan salah satu keperluan untuk perkembangan dan pembangunan diri kanak-kanak. Setiap kanak-kanak harus mempunyai peluang untuk terlibat dalam aktiviti bersama keluarga, rakan dan masyarakat bagi memastikan kesejahteraan hidup mereka tidak terjejas. Aktiviti beriadah, bersukan, mengikuti kelas seni mempertahankan diri, meluangkan masa bersama keluarga dan menyertai aktiviti dalam masyarakat penting dalam kehidupan kanak-kanak. Penyertaan kanak-kanak secara inovatif dalam rutin harian yang sihat boleh meningkatkan keupayaan untuk menjadi resilien, dan mempunyai tahap minda dan perasaan yang positif (Weisner 1998 dlm. Pollard & Lee 2003: 65). Kanak-kanak yang berpeluang untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti di peringkat keluarga, sekolah dan komuniti hidup dengan lebih sejahtera. Penyertaan sosial merupakan salah satu domain kesejahteraan subjektif kanak-kanak. Kajian terdahulu juga jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak yang sejahtera adalah kanak-kanak yang dapat melakukan aktiviti riadah (Swords et al. 2012) dan dapat membuat sumbangan positif dalam kehidupan seharian mereka (Bradshaw, Hoelscher & Richardson 2007). Maka, dalam konteks penyertaan sosial, peluang untuk terlibat dan sumbangan kanak-kanak penting dalam menentukan sejauh mana mereka dapat membesar secara sejahtera.

## ULASAN LITERATUR

Penyertaan sosial merujuk kepada aktiviti menyertai atau melibatkan diri dalam aktiviti kehidupan bermasyarakat (Pathmanathan & Siti Hajar 2013). Penyertaan sosial mengambil kira aktiviti secara individu, aktiviti sosial secara berkumpulan, kerja-kerja sukarela dan perhubungan interpersonal (Hietanen et al. 2016). Penyertaan sosial adalah sebahagian daripada keperluan hidup manusia (Levasseur et al. 2010).

Dalam konteks perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak, tindakan memberi mereka peluang menyertai pelbagai aktiviti

sosial berupaya mengasah aset dalaman mereka mempelajari fungsi sosial mereka, nilai-nilai sosial yang dipatuhi oleh masyarakat yang dianggotainya dengan lebih baik dan seterusnya menghormati dan menjaga kepentingan orang lain dalam kehidupan bermasyarakatnya. Hirschi (1969) dalam Teori Ikatan Sosial mengatakan penglibatan atau penyertaan individu dalam aktiviti kemasyarakatan membentuk ikatan sosial yang kukuh antara individu dengan anggota masyarakatnya yang lain; yang seterusnya mampu mengawal tingkahlaku sosial individu daripada menyeleweng. Terdapat kajian (spt. Arthur et al. 2002) yang menunjukkan kanak-kanak yang tidak diberi peluang melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan berkecenderungan tinggi terlibat dalam pelbagai aktiviti antisosial.

Sekiranya keperluan penyertaan sosial dapat dipenuhi, kanak-kanak akan dapat hidup dengan sejahtera. Ini kerana kanak-kanak yang dapat menyertai aktiviti prososial dalam masyarakat berkeupayaan untuk menilai secara positif individu lain yang sama-sama menyertai aktiviti tersebut, dapat membuat jangkaan peranan untuk bertingkah laku baik, dapat membina konsep sendiri yang positif dan cenderung komited untuk menjaga, melindungi dan memajukan komunitinya (Coombs 1969). Hujah di atas mengukuhkan lagi peranan penyertaan sosial dalam meningkatkan sahsiah diri, kesedaran sivik dan pencapaian akademik, serta membentuk tingkahlaku prososial dalam kalangan kanak-kanak (Chan, Ou & Reynolds 2014). Matlamat akhir penyertaan sosial bagi kanak-kanak ialah untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat (Chan, Ou & Reynolds 2014; Zaff et al. 2010).

Penyertaan sosial mengambil kira 'dengan siapa' kanak-kanak melakukan aktiviti (Levasseur et al. 2010) kerana kanak-kanak perlu menyertai aktiviti dalam pelbagai organisasi formal dan tidak formal, dan di dalam ruang fizikal dan sosial yang berbeza untuk proses pengembangan diri (Lindstrom, Hanson & Ostergen 2001). Maka, komponen penting penyertaan sosial mestilah merangkumi aktiviti secara individu dan secara berkumpulan, yang melibatkan pelbagai peringkat umur yang mana fokus aktiviti adalah pelbagai termasuk sukan, riadah, keagamaan, kesenian, kesihatan dan keselamatan (Zaff et al. 2010).

Pola-pola hubungan atau ikatan sosial terbentuk antara individu dengan kanak-kanak menerusi aktiviti-aktiviti sosial seperti permainan, rekreasi,

sosialisasi, penjaliran kemahiran atau pengetahuan tertentu. Ini bermakna, bagi membolehkan kanak-kanak berkembang maju, mereka mesti terlibat atau menyertai aktiviti sosial dalam komuniti mereka. Seterusnya, bagi memastikan perkembangan itu berlaku secara berkesan, aktiviti-aktiviti sosial berkenaan seharusnya berlangsung "secara biasa/harian" bagi satu jangkamasa yang berpanjangan (Bronfenbrenner 1999: 6) dan disalurkan oleh pelbagai individu dalam ekologi di mana kanak-kanak itu membesar. Ini kerana aktiviti-aktiviti yang dilakukan secara biasa/harian dan berlanjutan disepanjang hidup kanak-kanak membolehkan kanak-kanak membina ilmu/kemahiran yang kompleks. Semua proses ini perlu berlaku secara dinamik; di sepanjang kitaran hidup kanak-kanak bagi memastikan semua keperluan hidup mereka dapat diisi secara komprehensif. Proses ini juga tidak hanya terhad kepada interaksi interpersonal sahaja.

Ringkasnya, kanak-kanak yang dapat memenuhi keperluan penyertaan sosialnya secara positif merupakan modal insan yang berharga kepada pembangunan sesebuah komuniti. Ini telah mendorong beberapa pengukuran kesejahteraan kanak-kanak seperti *Child Deprivation Index* (Swords et al. 2012), *Child Well-being Index* (Bradshaw, Hoelscher & Richardson 2007) dan *America's Children Key National Indicator of Well-being* (Federal Interagency Forum on Child & Family Statistic 2009) memasukkan komponen penyertaan dalam menentukan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Ini membuktikan yang penyertaan sosial merupakan salah satu indikator penting dalam menentukan kesejahteraan hidup kanak-kanak.

Malaysia masih lagi tidak mempunyai satu indeks yang komprehensif dan khusus mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak nya yang boleh dijadikan penunjuk bagi setiap tindakan berkaitan kebajikan kanak-kanak di negara ini. Ketiadaan satu indeks yang jelas dan komprehensif mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak Malaysia menyebabkan para pelaksana perkhidmatan atau agensi perkhidmatan kebajikan kanak-kanak tidak dapat mengambil tindakan intervensi yang sesuai dalam bertindak-balas dengan segala bentuk masalah sosial yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak. Ketiadaan pangkalan data yang komprehensif mengenai keadaan kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia juga telah mendesak sekumpulan pengkaji daripada Jabatan Pentadbiran

dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya melakukan sebuah survei berskala nasional bagi membina sebuah indeks kesejahteraan sosial kanak-kanak (*child wellbeing index*) di Malaysia. Persoalan paling asas yang ingin dijawab oleh kajian tersebut adalah *apakah status kesejahteraan hidup kanak-kanak di Malaysia?* Pengumpulan data mengenai status kesejahteraan kanak-kanak ini kemudiannya telah membawa kepada pembinaan satu indeks yang komprehensif mengenai kualiti hidup kanak-kanak di Malaysia. Sama seperti negara-negara maju yang mempunyai indeks yang lengkap mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak mereka, indeks ini boleh menjadi asas kepada perancangan kepada pelan induk tindakan (*blueprint*) dasar sosial berkaitan dengan kebajikan hidup kanak-kanak di Malaysia. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya akan memfokus kepada salah satu komponen dalam indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak; iaitu penyertaan sosial.

## METODOLOGI KAJIAN

### LOKASI KAJIAN, SAMPEL KAJIAN DAN TEKNIK PERSAMPPELAN

Bagi komponen penyertaan sosial, kajian tahun 2013-2015 telah meneliti hubungkait antara penyertaan sosial dengan kualiti hidup kanak-kanak miskin di Malaysia. Satu survei telah dilakukan antara bulan Jun hingga Oktober 2014 bagi memilih kanak-kanak dari keluarga yang menyertai Projek Perumahan Rakyat kerana mereka telah dikenal pasti mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah atau miskin; berdasarkan kelayakan mendiami perumahan tersebut. Taraf sosioekonomi yang rendah boleh mendedahkan kanak-kanak kepada risiko yang boleh menjejaskan kesejahteraan mereka. Sejumlah 200 responden kanak-kanak yang terdiri daripada 44 peratus lelaki dan 56 peratus perempuan telah terpilih dalam kajian ini. Julat umur mereka pula ialah di antara 9 hingga 17 tahun yang mana purata umurnya ialah 13.05 (Sp. 2.71).

Terdapat dua jenis persampelan yang terlibat dalam proses pengumpulan data kajian. Teknik persampelan pertama yang digunakan ialah Teknik Persampelan Rawak Mudah (*simple random sampling*). Teknik ini digunakan bagi memilih lokasi PPR yang terlibat. Senarai PPR dibahagikan kepada dua kelompok iaitu bandar dan luar bandar.

Kemudian, pengkaji menggunakan kaedah cabutan untuk memilih satu lokasi mewakili bandar dan satu lokasi mewakili luar bandar. Maka, lokasi yang terpilih ialah PPR Lembah Pantai di Kuala Lumpur (bandar) dan PPR Paya Nahu di Kedah (luar bandar). Langkah kedua ialah memilih keluarga yang mempunyai anak yang berumur di antara 9 hingga 17 tahun daripada senarai PPR Lembah Pantai dan Paya Nahu. Dalam situasi ini, teknik persampelan rawak sistematik (*systematic random sampling*) digunakan untuk memilih sampel kajian. Pengkaji telah mendapatkan maklumat isirumah daripada pejabat operasi atau wakil penduduk di setiap kawasan yang terlibat. Daripada senarai tersebut, pengkaji memilih keluarga yang berada dalam senarai nombor genap yang mempunyai anak berumur dalam lingkungan 9 hingga 17 tahun. Sekiranya keluarga yang terpilih tidak mempunyai anak berusia 9 hingga 17 tahun, pengkaji memilih nombor genap yang seterusnya sehingga cukup 100 keluarga untuk satu kawasan (PPR Lembah Pantai dan PPR Paya Nahu). Maka, jumlah keluarga yang terpilih menjadi sampel kajian untuk kedua-dua kawasan ialah 200. Seorang kanak-kanak yang berada dalam lingkungan umur 9 hingga 17 tahun daripada keluarga tersebut dipilih menjadi responden kajian.

### INSTRUMENTASI

Kajian ini membina sendiri Indeks Kesejahteraan Kanak-kanak. Bagi menghasilkan pengukuran yang komprehensif, kajian ini mendapat inspirasi daripada tujuh instrumen sedia ada mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak iaitu *Ireland Child Deprivation Index*, *Child Well-being Index*, *UNICEF Child Well-being Index*, *South Africa Index of Multiple Deprivation For Children*, *Child Deprivation Index*, *Child Maltreatment Risk Inventory* dan *America's Children Key National Indicator of Well-being*. Pengkaji telah menggabungkan dan mengadaptasi beberapa komponen dan indikator dalam instrumen-instrumen terpiawai berkenaan, mengikut kesesuaian konteks sosio-budaya Malaysia bagi menghasilkan satu instrumen yang komprehensif untuk mengukur kesejahteraan hidup kanak-kanak di negara ini. Terdapat enam komponen kesejahteraan dalam indeks yang dibina, namun, perbincangan dalam artikel ini hanya memfokus kepada satu komponen sahaja iaitu penyertaan sosial. Terdapat 34 item yang digunakan bagi



mengukur kesejahteraan kanak-kanak dalam aspek penyertaan sosial. Nilai kebolehpercayaan instrumen ialah 0.88. Penyertaan sosial dalam kajian ini dibahagikan kepada lima komponen iaitu penyertaan secara sendirian, bersama rakan, di sekolah, bersama keluarga dan di dalam komuniti.

Borang soal selidik berstruktur penuh ini telah diurustadbir secara langsung kepada responden. Para pekerja lapangan terlatih yang diselia oleh pengkaji duduk bersama dengan responden sehingga borang soal selidik dilengkapkan. Bagi responden yang mempunyai limitasi untuk membaca dan/atau memahami soalan-soalan yang terkandung dalam instrumen tersebut, pekerja lapangan membacakan satu per satu soalan dan responden memberi jawapan untuk setiapnya sehingga kesemua soalan selesai dijawab.

#### ETIKA DAN PROSEDUR

Kajian ini telah mematuhi prinsip-prinsip Etika Kemanusiaan dalam penyelidikan seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti Malaya. Sebelum menjawab borang soal selidik pula, pengkaji telah mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu/bapa kanak-kanak. Ibu/bapa responden perlu mengisi dan menandatangani borang persetujuan sebagai ikrar bahawa mereka membenarkan anak mereka menjadi responden kajian.

#### ANALISIS DATA

Kesemua data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) versi 21. Beberapa jenis analisis deskriptif dan inferensi terlibat dalam penganalisan data kajian ini.

#### DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian ini, kesejahteraan dari aspek penyertaan sosial diukur berdasarkan sejauh mana responden berpeluang untuk membangun dan mengembangkan potensi diri mereka seoptimum mungkin. Skala kesejahteraan adalah ditetapkan dan dikira seperti berikut. Langkah pertama yang diambil oleh pengkaji dalam menentukan kesejahteraan dari aspek penyertaan sosial ialah dengan meminta responden menyatakan atau melaporkan sendiri sama ada keperluan-keperluan yang disenaraikan telah dipenuhi secukupnya atau tidak. Sekiranya suatu item itu dikelaskan sebagai keperluan oleh responden dan mereka

memperolehinya secara ‘mencukupi’ atau ‘melebihi’, penyertaan sosial responden untuk indikator tersebut dikira sebagai sejahtera. Penentu aras ini telah digunakan dalam banyak kajian kesejahteraan kanak-kanak di luar negara. Kajian oleh Bastos, Fernandes dan Passos (2004) di Portugal, *Federal Interagency Forum on Child and Family Statistics* (2009) di Amerika, dan Swords et al. (2012) di Ireland dan Wright et al. (2009) di Afrika Selatan menggunakan cara ukuran ini bagi mengukur kesejahteraan hidup kanak-kanak. Bagi skor individu, tahap kesejahteraan kanak-kanak adalah tinggi apabila semakin banyak indikator yang mereka kelaskan sebagai keperluan diperoleh secara ‘mencukupi’. Untuk skor keseluruhan sampel, tahap kesejahteraan ditentukan dengan menjumlahkan jawapan yang dikelaskan sebagai keperluan yang diperoleh secara ‘mencukupi’ bagi setiap indikator. Jawapan dipersembahkan dalam bentuk peratusan. Oleh itu, semakin tinggi nilai peratusan bagi setiap indikator, maka semakin sejahtera kanak-kanak untuk indikator kesejahteraan yang dianalisis.

Penetapan tahap kesejahteraan hidup kanak-kanak dalam kajian ini adalah mengikut skala terpiawai yang dibangunkan oleh beberapa pengkaji kesejahteraan kanak-kanak seperti Bradshaw, Hoelscher dan Richardson (2007), McLaren (2007), UNICEF (2013), OECD (2009) dan Pedace (2008) (Jadual 1).

JADUAL 1. Skala Tahap Kesejahteraan Hidup Kanak-kanak

Nilai skor (%)	Tahap kesejahteraan
>80%	Sangat tinggi
75%-80%	Tinggi
41%- 74%	Sederhana
20%-40%	Rendah
<20%	Sangat rendah

#### PENYERTAAN SOSIAL KANAK-KANAK SECARA BERSENDIRIAN

Penyertaan kanak-kanak dalam pelbagai aktiviti prososial yang dilakukan dalam beberapa *setting* seperti secara sendirian, bersama keluarga dan rakan sebaya serta penglibatan di peringkat sekolah dan komuniti diukur. Setiap indikator yang disenaraikan di bawah merupakan indikator kesejahteraan dari aspek penyertaan sosial yang disesuaikan berdasarkan hasil kajian-kajian

terdahulu. Semakin tinggi peluang yang mereka peroleh dalam perkara yang mereka perlukan dalam senarai indikator tersebut, maka semakin sejahtera kehidupan mereka dari aspek penyertaan sosial. Jadual 2 menunjukkan penyertaan kanak-kanak secara sendirian dalam aktiviti seharian mereka. Penyertaan secara sendirian dalam kajian ini merujuk kepada aktiviti yang dilakukan oleh responden secara individu iaitu mengakses

maklumat, mengikuti kelas pertahanan diri, menyatakan pendapat secara bebas, pergi ke kolam renang, mendapat khidmat guru tambahan di rumah dan mengikuti kelas yang mengenakan yuran/bayaran. Pendedahan kepada aktiviti sedemikian mampu melatih kanak-kanak untuk menjadi lebih yakin, berani dan berdikari yang mana ini merupakan aset dalaman yang amat berharga kepada kehidupan mereka.

JADUAL 2. Penyertaan Secara Sendirian

Indikator	Kesejahteraan%(n)
1 Mendapat akses kepada maklumat dan bahan dari pelbagai sumber.	68.1(109)
2 Mengikuti aktiviti pertahanan diri (spt. silat, teakwando).	50.0(73)
3 Menyatakan pendapat secara bebas.	71.2(94)
4 Pergi ke kolam renang.	64.3(83)
5 Mendapatkan perkhidmatan guru tambahan di rumah.	47.8(54)
6 Mengikuti kelas (spt. berenang, gitar) yang mengenakan bayaran.	45.7(43)
<i>Purata keseluruhan</i>	<i>57.9%</i>

(N= 200)

Peratus kesejahteraan untuk penyertaan secara sendirian dalam kajian ini berada di antara 45.7 % hingga 71.2 %, iaitu tahap sederhana. Dapatan ini secara tidak langsung memperlihatkan yang tidak semua kanak-kanak dalam kajian ini berupaya menyatakan pendapat mereka secara bebas. Dapatan ini juga menggambarkan yang peruntukan Artikel 12 CRC tidak dilaksanakan dengan baik. Oleh yang demikian, agensi kebajikan kanak-kanak dan individu dewasa yang mempunyai hubungan langsung harus lebih peka terhadap keperluan kanak-kanak dalam aspek ini. Peluang kanak-kanak miskin untuk mengakses maklumat dan bahan dari pelbagai sumber untuk pelbagai tujuan seperti pendidikan dan kesihatan hanya pada tahap yang sederhana (68.1%) sedangkan kerajaan mempunyai program jalur lebar yang boleh diperolehi secara percuma. Maka, keberkesanan program tersebut perlu diteliti agar manfaatnya turut dirasakan oleh golongan kanak-kanak miskin yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat. Peratus kesejahteraan bagi penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti mendapatkan khidmat guru di rumah (*home-tuition*), seni mempertahankan diri dan lain-lain kelas yang melibatkan bayaran adalah lebih rendah yang mana ini mungkin disebabkan oleh kekangan kewangan keluarga. Dapatan ini memberi petunjuk bahawa intervensi perlu dilakukan bagi meningkatkan peluang dan penyertaan mereka.

Pihak yang menjaga kebajikan kanak-kanak harus mengambil kira keperluan kanak-kanak dalam dua perkara di atas dalam menyediakan bentuk-bentuk bantuan yang seharusnya diberikan kepada kanak-kanak miskin.

#### PENYERTAAN SOSIAL KANAK-KANAK BERSAMA RAKAN SEBAYA

Pengaruh rakan sebaya merupakan pengaruh yang hebat dalam kehidupan kanak-kanak. Penyertaan bersama rakan sebaya dalam kajian ini merujuk kepada aktiviti yang dilakukan oleh responden bersama rakan iaitu meluangkan masa lapang, bersukan, belajar secara berkumpulan dan melakukan aktiviti kegemaran bersama rakan. Jadual 3 memaparkan peratus kesejahteraan bagi penyertaan responden bersama rakan. Julat peratus kesejahteraan untuk indikator-indikator dalam komponen ini terletak di antara 80.1 % hingga 89.4 %, iaitu sangat tinggi. Sejumlah 87.0 % kanak-kanak memerlukan rakan sebaya untuk melakukan pelbagai aktiviti dan 87.0 % juga kanak-kanak merasa sejahtera apabila melakukan aktiviti bersama rakan sebaya. Maka, sekiranya mereka bergaul dengan rakan sebaya yang rendah nilai moral dan spiritualnya, mereka juga akan terikut-ikut dengan nilai tersebut. Oleh yang demikian, individu yang menaungi kanak-

kanak perlu mengambil langkah untuk memantau aktiviti kanak-kanak bersama rakan sebaya bagi mengelakkan diri dari terpengaruh dengan perkara negatif rakan sebaya misalnya ponteng sekolah,

merokok, berpelesenan dan bergaul secara bebas. Di samping itu, pihak yang menaungi kanak-kanak wajar mendorong mereka untuk melakukan aktiviti prososial.

JADUAL 3. Penyertaan Bersama Rakan

Indikator	Kesejahteraan %(n)
1 Meluangkan masa bersama-sama rakan.	89.4(160)
2 Menyertai rakan dalam aktiviti sukan.	89.4(160)
3 Belajar secara berkumpulan.	89.1(155)
4 Melakukan aktiviti kegemaran bersama rakan (cth: berbasikal, kereta kawalan jauh, <i>games</i> )	80.5(132)
<i>Purata keseluruhan</i>	<i>87.1%</i>

(N= 200)

#### PENYERTAAN SOSIAL KANAK-KANAK DI PERINGKAT SEKOLAH

Jadual 4 pula memaparkan peratus kesejahteraan bagi penyertaan responden di sekolah. Julat peratus kesejahteraan untuk indikator-indikator (item) dalam komponen ini terletak di antara 61.5 % hingga 75.5 %; iaitu tahap kesejahteraan sederhana. Dapatan ini menggambarkan bahawa tidak semua kanak-kanak memperoleh peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti (ko-

kurikulum) yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Perkara ini tidak selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang serba boleh dan memacu kecemerlangan ko-kurikulum. Malahan, kerajaan juga telah memperuntukkan sebahagian besar untuk program pembangunan ko-kurikulum pelajar. Perkara ini perlu diteliti semula bagi mengenal pasti punca kurang peluang pelajar terhadap penonjolan diri dan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

JADUAL 4. Penyertaan di Sekolah

Indikator	Kesejahteraan %(n)
1 Mengikuti rombongan.	71.2(121)
2 Mengikuti aktiviti perkhemahan pakaian beruniform.	71.6(116)
3 Menyertai kempen-kempen penjagaan keselamatan/kesihatan.	75.5(120)
4 Peluang untuk menunjukkan bakat.	73.4(116)
5 Menyertai kem bina diri.	63.9(101)
6 Mempunyai pangkat dalam badan uniform/persatuan/ kelab (Presiden, Pen. Presiden, S/U, Bendahari, AJK).	64.2(97)
7 Menjadi ketua kelas/pen. ketua kelas	61.6(90)
8 Menyertai aktiviti kesenian (menari, berteater/menyanyi).	61.5(88)
9 Menyertai pertandingan debat/kuiz/ bercerita/bersyair/berpantun.	63.8(90)
<i>Purata keseluruhan</i>	<i>67.4%</i>

(N= 200)

PENYERTAAN SOSIAL KANAK-KANAK  
BERSAMA KELUARGA

Jadual 5 memaparkan peratus kesejahteraan bagi penyertaan responden bersama keluarga. Julat peratus kesejahteraan untuk indikator-indikator dalam komponen ini terletak di antara 71.9 % hingga 92.6 %, iaitu terletak di antara tahap

sedehana dan tinggi. Dapatan ini menggambarkan bahawa kanak-kanak dalam kajian ini mendapat peluang yang tinggi untuk melakukan aktiviti bersama keluarga dan masih mementingkan nilai-nilai kekeluargaan. Ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa Dasar Keluarga Negara yang dilaksanakan oleh kerajaan sedikit sebanyak menyokong pencapaian data ini.

JADUAL 5. Penyertaan Bersama Keluarga

Indikator	Kesejahteraan %(n)
1 Makan bersama keluarga di rumah.	92.6(176)
2 Keluar bersiar-siar bersama keluarga.	86.2(163)
3 Makan di luar/restoran bersama keluarga.	80.3(151)
4 Pergi bercuti bersama keluarga.	71.9(136)
5 Berpeluang menyatakan pendapat dan bersuara dalam keluarga.	78.3(137)
<i>Purata keseluruhan</i>	<i>81.9%</i>

(N= 200)

PENYERTAAN SOSIAL KANAK-KANAK PADA  
PERINGKAT KOMUNITI

Jadual 6 memaparkan peratus kesejahteraan bagi penyertaan responden dalam komuniti. Julat peratus kesejahteraan untuk indikator-indikator dalam komponen ini terletak di antara 56.4 % hingga 80.9 %, iaitu pada tahap sederhana. Peratus kesejahteraan yang lebih tinggi ditunjukkan bagi penyertaan dalam aktiviti yang berkaitan dengan sukan dan kelab. Namun, peratus yang lebih rendah

ditunjukkan dalam aktiviti kesenian, mesyuarat komuniti dan kawalan keselamatan kawasan komuniti. Dapatan ini menggambarkan bahawa kanak-kanak kurang diberi peluang untuk menyertai aktiviti dalam komuniti. Perkara ini mungkin disebabkan orang dewasa dalam komuniti tersebut berpendapat bahawa aktiviti tertentu kurang sesuai dengan kanak-kanak misalnya menyertai aktiviti kawalan keselamatan dan menghadiri mesyuarat untuk kawasan tempat tinggal.

JADUAL 6. Penyertaan dalam Komuniti

Indikator	Kesejahteraan%(n)
1 Menyertai aktiviti sukan.	80.9(144)
2 Terlibat dalam kelab/ persatuan.	78.3(123)
3 Peluang untuk menunjukkan bakat.	69.3(106)
4 Menyertai pertandingan sukan untuk kawasan perumahan.	70.2(106)
5 Menyertai aktiviti keagamaan di kawasan perumahan (spt. tahlil, doa selamat, bacaan yassin).	74.7(112)
6 Menyertai aktiviti sukan peringkat daerah/ negeri/negara.	57.7(79)
7 Menyertai kempen-kempen penjagaan keselamatan.	68.4(91)
8 Menyertai aktiviti kesenian yang dianjurkan di kawasan perumahan (menari, menyanyi, berteater).	56.4(62)
9 Menyertai mesyuarat untuk kawasan perumahan.	62.4(58)
10 Menyertai komuniti mengawal keselamatan kawasan perumahan pada waktu malam.	60.9(56)
<i>Purata keseluruhan</i>	<i>67.9%</i>

(N= 200)



Secara keseluruhan, data kajian menunjukkan bahawa indeks kesejahteraan sosial subjektif berada pada paras yang sederhana. Secara khusus, tahap kesejahteraan kanak-kanak miskin dalam aspek penyertaan sosial juga masih belum berada pada tahap yang memuaskan (64.6%). Kanak-kanak yang mempunyai tahap penyertaan sosial yang baik adalah kanak-kanak yang berpeluang untuk membuat sumbangan yang positif dalam komuniti Bradshaw, Hoelscher dan Richardson (2007), berpeluang untuk melakukan aktiviti riadah bersama kawan-kawan, mempunyai rakan sebaya yang prososial (Swords et al. 2012) dan terpelihara daripada sebarang bentuk eksploitasi dan penafian hak (UNICEF 2009). Namun, dapatan kajian ini menunjukkan tahap penyertaan sosial kanak-kanak dalam kajian ini terutama secara individu, di sekolah dan di dalam komuniti masih berada pada tahap yang sederhana. Oleh yang demikian, intervensi sosial perlu dilakukan bagi mempertingkatkan atau memperkasakan lagi penyertaan sosial kanak-kanak.

#### IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN TERHADAP DASAR SOSIAL BERKAITAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK

Berdasarkan kepada bukti-bukti empirikal yang ditemui dalam kajian, beberapa intervensi sosial boleh dilaksanakan bagi mempertingkatkan atau memperkasakan lagi penyertaan sosial kanak-kanak. Intervensi-intervensi yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:

#### MENGALAKKAN PENYERTAAN SOSIAL KANAK-KANAK

Dua strategi boleh dilakukan bagi meningkatkan tahap penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti di peringkat sekolah mahupun komuniti. Strategi-strategi berikut digariskan setelah mengambilkira dua perkara utama iaitu CRC dan Dasar Kanak-kanak Negara. Artikel 31 CRC telah menyatakan bahawa kanak-kanak wajar diberi peluang melibatkan diri dalam aktiviti yang bersesuaian dengan umur mereka (UNICEF 2009). Hak penyertaan dalam Dasar Kanak-kanak pula telah menetapkan bahawa kanak-kanak perlu diberi peluang menyertai aktiviti berkaitan dengan hal-ehwal mereka dan pendapat mereka perlu diambilkira dalam merangka program yang berkaitan dengan kepentingan mereka. Dua strategi tersebut ialah:

*Mewujudkan Rasa Autoriti dalam Diri Kanak-Kanak* Strategi pertama ialah mewujudkan rasa autoriti dalam diri kanak-kanak terhadap program/aktiviti yang diadakan. Strategi ini mampu menggalakkan penyertaan aktif mereka. Menurut Bessell (2010), kanak-kanak mampu menyertai suatu aktiviti secara aktif sekiranya mereka diberitahu dengan cara yang sewajarnya, diberi tugas merancang, mengurus dan membuat keputusan berkaitan dengan aktiviti tersebut. Tugas yang diberikan mampu mencetuskan rasa autoriti dalam diri mereka. Selain itu, tugas yang diberikan mampu meningkatkan nilai dan martabat diri, menanamkan sikap tanggungjawab dan menanamkan nilai menjaga kepentingan orang lain (Bessell 2010).

Bagi mencapai matlamat ini, kanak-kanak perlu didedahkan dengan pelbagai peluang untuk menerajui program-program berstruktur yang terdapat di sekolah mahupun di dalam komuniti. Program berstruktur ialah program spesifik yang dirangka untuk memenuhi keperluan kanak-kanak (Halpern et al. 2000 dlm. Siti Hajar 2006). Dalam program tersebut, kanak-kanak diberi peluang merancang dan menguruskan aktiviti. Pengalaman yang dilalui oleh kanak-kanak dapat meningkatkan tahap kematangan dan rasa autoriti mereka.

Selain memberi pendedahan dan peluang untuk menerajui program-program yang berkaitan dengan mereka, kaedah lain untuk mewujudkan autoriti diri ialah melalui latihan modifikasi sikap dan tingkahlaku dalam program pembangunan diri. Di luar negara, usaha memupuk rasa autoriti dalam diri kanak-kanak banyak dilakukan dalam program pembangunan diri, program kepimpinan dan program mengasah bakat dan minat. Dalam *Self-enhancement Program* di Amerika Syarikat, kanak-kanak didedahkan dengan pembinaan peribadi yang baik melalui program yang berstruktur dan komprehensif (National Research Council on Community Program 2003). Walaupun pada awal pelaksanaannya, ia merupakan program pencegahan keganasan untuk kanak-kanak, namun ia telah diperluaskan dalam pelbagai latar apabila ia dilihat berkesan dalam membina peribadi kanak-kanak. Di Hong Kong pula, autoriti diri diterapkan ke dalam diri kanak-kanak di dalam program kepimpinan, *Leadership Program for Kids* (Mindquest Group 2012). Selain autoriti, terdapat nilai-nilai kepimpinan lain yang turut diterapkan kepada kanak-kanak seperti keyakinan, integriti, komitmen, bekerja secara berkumpulan

dan berkomunikasi secara berkesan. Semua nilai tersebut dilatih melalui empat modul iaitu modul nilai, modul sikap, modul perhubungan dan modul keputusan (Mindquest Group 2012). Program tersebut mendapat maklum balas yang positif terutamanya daripada ibu bapa yang mengakui bahawa terdapat perubahan positif dalam diri anak mereka setelah menghadiri program tersebut (Mindquest Group 2012).

Kurikulum program-program pembinaan autoriti diri sedia ada di negara ini khususnya, masih kurang berupaya untuk mengembangkan autoriti kanak-kanak. Ini kerana kanak-kanak diberi autoriti dalam hal tertentu sahaja dan masih terhad, misalnya diberi peluang untuk menyatakan pendapat namun tidak terlibat dalam proses pembuatan keputusan (Pathmanathan & Siti Hajar 2013). Oleh yang demikian, dalam konteks masyarakat Malaysia, contoh program yang boleh membina autoriti diri mengikut keperluan golongan kanak-kanak ialah seperti bengkel kemahiran sosial, bengkel teknologi, kem kepimpinan dan ceramah kerjaya. Selain menanamkan rasa autoriti dalam diri, program-program sebegini juga dapat memupuk nilai positif dan tingkahlaku prososial dalam diri peserta program. Perkara yang lebih penting ialah kanak-kanak diberi peluang secara optimum untuk menyertai program seumpama itu bagi meningkatkan rasa autoriti dalam diri mereka.

*Menyediakan Persekitaran Sosial yang Menggalakkan Penyertaan Sosial Kanak-Kanak*  
Strategi kedua ialah menyediakan persekitaran sosial yang kondusif untuk kanak-kanak melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sosial masyarakat. Dari perspektif ekologi, penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti sosial yang berlangsung dalam persekitaran yang melibatkan pelbagai sektor dan agensi mampu mempertingkatkan perkembangan peribadi yang bersifat positif kepada kanak-kanak. Pelbagai nilai, tanggungjawab, peranan, dan fungsi sosial setiap agensi mampu membina suatu ikatan sosial yang membuatkan kanak-kanak rasa mempunyai dan dipunyai lantas menghargai individu di sekeliling. Selain itu, penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti sosial boleh memberi mereka ilmu dan kemahiran sosial yang penting untuk kehidupan. Dalam pada itu, sektor yang terlibat dengan aktiviti bersama kanak-kanak juga perlu sensitif, mesra, mempunyai empati dan menyokong proses tersebut.

Bagi mewujudkan sebuah persekitaran sosial yang baik untuk tumbesaran atau perkembangan positif kanak-kanak, pendekatan pencegahan-pelaburan (*prevention-investment approach*) yang diperjuangkan oleh para advokat kebajikan kanak-kanak di Amerika Syarikat mungkin boleh dipertimbangkan aplikasinya. Pendekatan pencegahan-pelaburan telah diaplikasi dalam banyak aspek kehidupan. Pendekatan pencegahan-pelaburan boleh diaplikasi di negara ini dalam mewujudkan persekitaran sosial yang baik bagi menjamin kesejahteraan hidup kanak-kanak. Inisiatif ini seharusnya dipikul oleh agensi pemberi perkhidmatan atau pihak berwajib. Penubuhan Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) iaitu pusat sehati untuk pelbagai aktiviti kanak-kanak merupakan suatu perkhidmatan yang menggunakan pendekatan pencegahan-pelaburan. Ini kerana kerajaan memperuntukkan sejumlah dana untuk membina pusat tersebut dan menempatkan staf yang menyelenggara perkhidmatan yang ditawarkan. Namun, ianya merupakan suatu pelaburan yang mampu memberi keuntungan kepada negara sekiranya insiden masalah sosial dan jenayah dapat dikurangkan, sebaliknya kanak-kanak berpeluang untuk mengasah bakat dan minat serta memupuk budaya positif seperti perbincangan interaktif, membaca dan bersukan. Sekiranya agensi penaung kanak-kanak ingin mengambil serius perkara ini, penyelenggaraan PAKK sedia ada perlu ditambahbaik dan PAKK perlu diwujudkan dengan lebih banyak lagi bagi memberi manfaat kepada golongan kanak-kanak.

#### RENOVASI DALAM DASAR KEBAJIKAN SOSIAL KANAK-KANAK

Penambahbaikan penyelenggaraan dan pengurusan PAKK yang dijelaskan di perenggan terdahulu merupakan salah satu cadangan renovasi ke atas sistem kebajikan sosial untuk kanak-kanak. Selain PAKK, pengkaji berpendapat beberapa aspek dalam sistem kebajikan sosial kanak-kanak di negara ini perlu diperkukuh dan ditambahbaik. Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap beberapa sistem kebajikan di luar negara seperti Sweden, Denmark, United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat, sistem kebajikan kanak-kanak yang berkualiti dan mampu mengubah kesejahteraan hidup kanak-kanak mengandungi 3 ciri utama berikut:

*Kerajaan Sanggup Melabur dalam Pelbagai Program Sosial dan Fizikal Berkaitan Kebajikan Kanak-Kanak* Kerajaan yang peka dengan kebajikan hidup kanak-kanak memperuntukkan dana yang mencukupi untuk meningkatkan tahap kesejahteraan kanak-kanak dalam aspek penyertaan sosial. Kerajaan sebegini lazimnya bersedia dengan beberapa pelan pelaburan sosial yang efisien yang mampu memberi masa depan yang lebih cerah kepada kanak-kanak (European Union 2012). Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah dana untuk meningkatkan kemudahan dan prasarana sekolah terutamanya di kawasan luar bandar. Sebanyak 7,723 buah sekolah rendah dan 2,296 buah sekolah menengah telah dibina di negara ini setakat tahun 2011 yang mana bilangan tersebut menunjukkan komitmen kerajaan untuk memberi peluang pendidikan kepada kanak-kanak di Malaysia. Pelaburan sosial lain yang turut dilakukan oleh kerajaan ialah memperkasakan latihan kemahiran hidup kerana ia mampu melengkapkan kanak-kanak untuk menjadi individu yang berdaya-upaya berhadapan dengan pelbagai risiko ekonomi dan sosial luar jangkaan pada bila-bila masa (Pathmanathan & Siti Hajar 2013).

Selain itu, kerajaan juga turut memperkenalkan Skim Bantuan Tuisyen (SBT) sejak Mac 2004 yang bertujuan untuk memberi peluang bimbingan tambahan secara berstruktur dan terancang kepada kanak-kanak miskin. Kerajaan turut memperkenalkan pendidikan kemahiran hidup yang mana matlamatnya adalah untuk melahirkan insan yang boleh berdikari, faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinisiatif dan yakin diri dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah untuk kehidupan harian. Pelan pelaburan sosial yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan memadai untuk meningkatkan tahap penyertaan sosial kanak-kanak dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Maka, ia wajar untuk dikekalkan dan dimantapkan. Program-program untuk anak muda yang sedia ada seperti Program Pembangunan Sukan dan Program Pembangunan Modal Insan juga perlu diteruskan dan dipermantapkan agar lebih ramai kanak-kanak memperoleh manfaatnya.

Perkara yang perlu diberi perhatian dalam menyediakan program sosial ialah infrastruktur fizikal bagi membolehkan kanak-kanak melakukan aktiviti dengan selamat dan selesa (European Union

2012; Nordfeldt & Larrson 2013). Ini kerana ruang fizikal yang tidak kondusif dan kemudahan yang tidak mencukupi merupakan halangan-halangan yang boleh menghadkan penyertaan kanak-kanak terutamanya dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh sekolah dan komuniti (Collins & Kay 2014). Ruang fizikal yang terhad dan kekurangan sumber juga boleh menjejaskan kesejahteraan hidup kanak-kanak (Newland 2014). Oleh yang demikian, pihak yang menganjurkan program untuk kanak-kanak harus menitikberatkan perkara tersebut. Dalam penganjuran sukan misalnya, peralatan sukan yang mencukupi dan gelanggang yang bersesuaian berupaya meningkatkan penyertaan dalam kalangan kanak-kanak.

#### *Penyediaan Perkhidmatan Kebajikan Yang Komprehensif dan Berkualiti Untuk Kanak-Kanak*

Perkhidmatan untuk kanak-kanak pula perlulah berkualiti dan mesra kanak-kanak (European Union 2012). Perkhidmatan kebajikan untuk kanak-kanak merangkumi serangkaian perkhidmatan sosial untuk memenuhi defisit keperluan asasi kanak-kanak. Enam perkhidmatan yang disediakan untuk kanak-kanak ialah perlindungan, pemulihan dan penjagaan gantian, pemulihan, sokongan, perkhidmatan tambahan dan perkhidmatan sepunya. Matlamat akhir perkhidmatan tersebut adalah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Dalam konteks penyertaan sosial, kuantiti program yang disediakan khususnya di sekolah dan dalam komuniti sudah memadai untuk mensejahterakan kanak-kanak. Namun demikian, program-program sedia ada boleh diperkukuh, ditambahbaik dan diperluaskan agar lebih ramai kanak-kanak mendapat manfaat daripadanya. Dari segi kualiti, program yang dianjurkan sewajarnya memberi kesan positif kepada kanak-kanak. Dari segi mesra kanak-kanak, program sosial tersebut sewajarnya sesuai dengan usia dan tahap perkembangan kanak-kanak. Program sosial yang efektif juga haruslah merupakan program yang dapat memenuhi keperluan subjektif kanak-kanak. Kanak-kanak dari keluarga miskin misalnya perlu mendapat peluang menerima baucer tuisyen bagi membolehkan mereka mendapat khidmat kelas tambahan untuk mengukuhkan penguasaan dalam mata pelajaran yang lemah di sekolah. Mereka juga wajar diberi peluang untuk menyertai rombongan yang ingin mereka sertai dengan yuran/kos yang mampu mereka bayar. Kaedah ini dapat meringankan beban

keuangan keluarga sekaligus mengelakkan kanak-kanak daripada mengalami ketidakcukupan yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup mereka. Golongan ini juga perlu mendapat peluang sama rata untuk menyertai pelbagai aktiviti di sekolah dan dalam komuniti tanpa mengambil kira latar belakang keluarga dan pencapaian akademik.

#### PEMBINAAN SISTEM JARINGAN SOSIAL KEBAJIKAN KANAK-KANAK YANG BERSEPADU

Tahap penyertaan sosial dalam kalangan kanak-kanak juga boleh dipertingkatkan dengan adanya jaringan sosial yang bersepadu di antara keluarga, sekolah dan komuniti. Sistem jaringan sosial kebajikan kanak-kanak ialah serangkaian sistem sosial yang melingkari hidup kanak-kanak yang berperanan untuk menjaga kebajikan hidup mereka dan boleh memberi kesan ke atas kesejahteraan hidup mereka. Sektor formal dan tidak formal yang menganjurkan program untuk kanak-kanak merupakan salah satu sistem sosial dalam ekologi hidup kanak-kanak. Keluarga, sekolah dan komuniti merupakan pihak penting yang menaungi hidup kanak-kanak juga adalah sistem-sistem sosial yang menjadi sebahagian daripada ekosistem kanak-kanak. Setiap sistem sosial tersebut perlu bekerjasama secara erat dan pintar dalam usaha merangka, menganjurkan dan memantau aktiviti kanak-kanak bagi memastikan mereka mendapat peluang penyertaan dan melakukan aktiviti prososial yang memberi manfaat kepada kehidupan kanak-kanak itu sendiri. Sektor tidak formal (spt. keluarga, keluarga luas, jiran-tetangga) perlu diperkukuhkan bagi memikul tanggungjawab bersama-sama sektor formal untuk mengangkat kesejahteraan hidup kanak-kanak pada tahap yang baik.

#### KESIMPULAN

Penyertaan sosial merupakan keperluan hidup yang penting untuk kanak-kanak besar-membangun menjadi anggota masyarakat yang produktif dari segi sosial dan ekonomi. Hirschi (1969) mengatakan penyertaan sosial merupakan faktor pelindung kepada penglibatan kanak-kanak ke dalam aktiviti antisosial dan devian. Elemen sangkutan atau kemesraan sosial yang terbina dalam proses penyertaan sosial menyebabkan kanak-kanak merasa bertanggungjawab untuk bertingkah laku baik agar tidak melencong daripada

norma sosial yang telah ditetapkan. Penyertaan sosial juga menyalurkan kepada kanak-kanak peranan sosial yang sepatutnya mereka lunaskan dalam kehidupan. Selain itu, penyertaan sosial merupakan landasan utama untuk kanak-kanak berinteraksi sosial dengan anggota-anggota komuniti yang dianggotainya, melangkaui generasi. Atas peri pentingnya penyertaan sosial dalam kesejahteraan hidup kanak-kanak, komponen ini perlu sentiasa dipantau kualitinya agar indeks kesejahteraan hidup kanak-kanak sentiasa berada pada paras yang memuaskan.

#### RUJUKAN

- Arthur, M. W., Hawkins, J. D., Pollard, J. A., Catalano, R. F., & Baglioni, A. J. 2002. Measuring risk and protective factors for substances use, delinquency, and other adolescent problem behaviors. *The Communities that Care Youth Survey. Evaluation Review* 26(6): 575-601.
- Bastos, M., Fernandes, G. L. & Passos, J. 2004. Child income poverty and child deprivation: An essay on measurement. *International Journal of Social Economics* 31 (11/12): 1050-1060. doi: 10.1108/03068290410561168.
- Bradshaw, J., Hoelscher, P. & Richardson, D. 2007. An index of child well-being in the European Union. *Social Indicators Research* 8: 133-177. doi: 10.1007/s11205-006-9024-z.
- Bronfenbrenner, U. 1999. Environments in developmental perspective: theoretical and operational models. In *Measuring environment across the life span. Emerging methods and concepts*, edited by S. L. Friedman & T. D. Wachs, 3-28. Washington, DC: American Psychological Association Press, 3-28.
- Bessell, 2010. Participation in decision making in out-of-home care in Australia: what do young people say? *Children and Youth Services Review*. doi: 10.1016/j.childyouth.2010.05.006
- Chan, W. Y., Ou, S-R., & Reynolds, A. J. 2014. Adolescent civic engagement and adult outcomes: an examination among rural racial minorities. *Journal of Youth and Adolescence* 43: 1829-1843. doi: 10.1007/s18964-014-0136-s
- Collins, M. & Kay, T. 2014. *Sport and Social Exclusion*. 2<sup>nd</sup> edition. Routledge: New York.
- Coombs, R.H. 1969. Social participation, self-concept and interpersonal valuation. *Sociometry* 32(3): 273-288.



- European Union. 2012. Denmark: Combining Work And Family Life Successfully. European platform for inventing in children. [http://www.europa.eu/countries/denmark/index\\_en.htm](http://www.europa.eu/countries/denmark/index_en.htm) Retrieved on: 28 April 2015.
- Federal Interagency Forum on Child and Family Statistics. 2009. *America's Children: Key National Indicators of Well-Being*. US Government Printing Office: Washington, DC.
- Haslina Hashim & Regina Garai Abdullah. 2009. Penglibatan komuniti dalam program pembangunan luar bandar: kajian kes di Pusat Pertumbuhan Desa Gedong, Sarawak. *Akademika* 77(Dis): 41-67.
- Hietanen, H., Aartsen, M., Kiuru, N., Lyyra, T-M., & Read, S. 2016. Social engagement from childhood to middle age and the effect of childhood socio-economic status on middle age social engagement: results from the National Child Development study. *Ageing and Society* 36: 482-507 doi:10.1017/S0144686X1400124x
- Hirschi, T. 1969. *Causes of Delinquency*. University of California Press: California.
- Levasseur, M., Richard, L., Gauvin, L. & Raymond, E. 2010. Inventory and analysis of definitions of social participation found in the aging literature: proposed taxonomy of social activities. *Social Science Medicine* 71(12): 2141-2149. doi: 10.1016/j.socscimed.2010.09.041
- Lindstrom, M., Hanson, B.S. & Ostergen P.O. 2001. Socioeconomic differences in leisure time physical activity: the role of social participation and social capital in shaping health related behavior. *Social Science and Medicine* 52(3): 441-451.
- McLaren, J. 2007. Index of Wellbeing for Children in Scotland. [http://www.barnardos.org.uk/wellbeing\\_for\\_children\\_in\\_scotland.pdf](http://www.barnardos.org.uk/wellbeing_for_children_in_scotland.pdf) Retrieved on: 3 May 2015.
- Mindquest Group. 2012. Hongkong leadership program for kids. [http://www.mindquestgroup.com/kidlead\\_leadership\\_program](http://www.mindquestgroup.com/kidlead_leadership_program) Retrieved on: 29 April 2015.
- National Research Council on Community Program. 2003. Self-Enhancement Program. USA. [http://www.npcresearch.com/bestpractices\\_positive\\_youth\\_development](http://www.npcresearch.com/bestpractices_positive_youth_development) Retrieved on: 25 April 2015.
- Newland, L.A. 2014. Supportive family context: promoting child well-being and resilience. *Early Child Development and Care* 184, 9-10: 1336-1346. doi: 10.1080/03004430.2013.875543
- Nordfeldt, M. & Larrson, O. S. 2013. *Local Welfare In Sweden: Housing, Employment And Child Care*. WILCO Publication: Sweden.
- The Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) 2009. Doing Better for Children. Paris: OECD. <http://www.oecd.org/eis/social/childwellbeing> Retrieved on: 27 April 2015.
- Pathmanathan, R. N. & Siti Hajar Abu Bakar Ah. 2013. *Hak Kanak-Kanak dalam Jagaan Institusi Awam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Pedace, L. 2008. *Child Wellbeing in England, Scotland and Wales: Comparisons and Variations*. The Family and Parenting Institute: London.
- Pollard, E. L. & Lee, P. D. 2003. Child well-being: a systematic review of the literature. *Social Indicators Research* 61: 59-78.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. 2006. *Kebijakan Sosial: Aplikasi dalam Perkhidmatan Manusia*. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Swords, L. , Greene, S., Boyd, E. & Kerrins, L. 2012. *All You Need is Measuring Children's Perception and Experiences of Deprivation*. Child Research Centre, Trinity College: Dublin.
- UNICEF. (2009). *Hak untuk semua kanak-kanak: panduan media*. <http://www.unicef.org/malaysia/media-guide-child-rights-malay.pdf> Retrieved on: 29 March 2014.
- UNICEF. 2013. Child Wellbeing in Rich Countries: A Comparative Overview. Innocenti Report Card, Vol. 11. Florence, Italy: UNICEF Innocenti Research Centre. [http://www.unicef-irc.org/publications/pdf/rc11\\_eng.pdf](http://www.unicef-irc.org/publications/pdf/rc11_eng.pdf) Retrieved on: 29 Mac 2014.
- Wright, G., Noble, M., Barnes, H. & Noble, S. 2009. *The South African Index of Multiple Deprivation for Children 2007 at Municipality Level*. Department of Social Development, Republic of South Africa. September. <http://www.casasp.ox.ac.uk/docs/SAIMD%202007%20report%2030%20September%202009.pdf> Retrieved on: 29 April 2015.
- Zaff, J. K., Boyd, M., Li, Y., Lerner, J. & Lerner. 2010. Active and engaged citizenship: Multigroup and longitudinal factorial analysis of an integrated construct of civic engagement. *Journal of Youth and Adolescence* 39(7): 736-750. doi: 10.1007/s10964-0109541-6.



Siti Hajar Abu Bakar Ah (corresponding author)  
Jabatan Pentadbiran & Keadilan Sosial  
Fakulti Sastera & Sains Sosial  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia  
E-mail: shajar@um.edu.my

Noralina Omar  
Jabatan Pentadbiran & Keadilan Sosial  
Fakulti Sastera & Sains Sosial  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia  
E-mail: noralina@um.edu.my

Zaiton Azman  
Jabatan Pentadbiran & Keadilan Sosial  
Fakulti Sastera & Sains Sosial  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia  
E-mail: zaitonazman@gmail.com

Received: 12 May 2016

Accepted: 21 June 2017